Memanggil Hantu

Penulis **Jemi**



Assalamualaikum para pembaca. Ini kisah benar berlaku pada diri aku ketika di *tingkatan 6 bawah* — tahun 1995 di Melaka. Aku akan gunakan nama panggilan rakan-rakanku yang sebenar dan setakat saat ini mereka masih hidup serta cemerlang dalam kehidupan masing-masing.



Seperti golongan muda remaja ketika itu berumur belasan tahun — aku dan beberapa rakan tertarik kepada ilmu persilatan dan aktiviti-aktiviti di luar pemikiran normal. Ketika di *tingkatan 6* itu juga aku dan beberapa rakan kerap membuat ulang kaji pelajaran secara bersama setiap malam sampai pukul 2:00 hingga 3:00 pagi — terkadang terlajak hingga tertidur di rumah rakan.

Sudah agak lama juga topik perbualan aku bersama rakan-rakan adalah topik cara-cara memanggil 👻 hantu. Setahun hasil daripada perbualan terutamanya pengetahuan Sharin yang paling banyak mengetahui perkara paranormal ini telah berkongsi cara-cara memanggil hantu.

Antara kaedah yang boleh digunakan untuk memanggil hantu — entah ya atau tidak — wallahualam — jangan cuba buat 😄 Ya!

Dalam entri ini tanpa berselindung aku tuliskan secara terperinci kaedahnya untuk elakkan ada pembaca entri ini meloncat-loncat menuduh aku menulis cerita rekaan...

1) Potong anak *pisang emas* dan balut seperti kain kafan.

2) Sediakan telur mentah — telur ini untuk jamuan hantu — cara ini susah — hanya bomoh yang betul-betul bomoh sahaja boleh realisasikan ritual menjamukan hidangan kepada hantu dengan cara ini.

3) Sediakan lada hitam — lada ini untuk memagar kawasan — tabur secara berselerak dan duduk di atas selerakkan lada yang sudah ditabur.

4) Petik bunga *kemboja* di waktu Maghrib.

5) Ambil tanah kubur dan tanam *pisang emas* yang sudah dibalut dengan kain kafan menggunakan tanah kubur ini — selepas itu bacalah jampi ini: *Jumjumatun aku seru kau wahai kongkalikung — janganlah kau kelentong — tong tong tong — berhentilah meloncat-loncat atas tong*.

Entah macam mana, satu malam selepas mengulang kaji pelajaran — secara sengaja anak muda berlima ini tidak terkecuali aku — cubalah memanggil hantu. Malam, selepas aku, Am, Zam, Ateng, dan Sharin selesai mengulang kaji pelajaran di rumah Am — anak muda berlima ini cuba melaksanakan ritual memanggil hantu.

Memang kena pada masanya memilih 🏠 rumah Am sebagai tempat untuk memanggil hantu. Bapa Am telah berhijrah ke luar negara dan rumah papan ayahnya ini bersebelahan dengan rumah nenek Am — cucu nenek yakni Si Am ini pula duduk bersama neneknya — jadi rumah ini telah kosong bertahun-tahun lamanya — keadaan rumah ini agak baik kerana masih ada orang tengok-tengokkan. Rumah ini berdaun *pintu empat* bersaiz dada anak-anak muda — ia memang dianggap daun pintu moden ketika itu.



Seperti rumah Melayu Melaka yang lazimnya dapat dilihat di Jasin — bahagian depan dan bilik berada di bahagian atas, manakala dapur serta bilik air — nun di bahagian bawah belakang rumah. Sekeliling rumah Am banyak ditumbuhi pokok *cempedak,* bahkan ada

sebatang dua pokok besar — pokok *kemang* kot — maaflah aku tak arif sangat nama-nama pokok — justeru dua pokok *kemang* ini menyebabkan rumahnya nampak suram — punyalah pemalas Si Am ini — dibiarkan dedaun kering berselerak di sekeliling rumah ini — dah nampak semak bebenau halaman rumahnya — tapi menuduh Si Am ini pemalas, rasanya tuduhan ini boleh dianggap tuduhan lucah kerana *tanah Melayu* ini sejak *kunfayakun* memang ditetapkan menjadi *hutan hujan tropika* — tentulah dedaun kering yang berguguran ini adalah sifat semula jadi *hutan hujan tropika* — memang lucah menuduh Am ini pemalas tanpa fahami sifat *hutan hujan tropika* — *tanah Melayu* ini bukan gurun berpasir-pasir seperti kubur Firaun di Mesir — hawau!



😃 *Okay* berbalik semula kepada ritual memanggil hantu — pabila lima anak muda ini berada di rumah Am — Si Sharin ini tentulah menjadi kepala dalam ritual ini — dia pun memberikan sedikit taklimat sebelum melakukan upacara memanggil hantu.

Aku sebenarnya bukanlah berani sangat — nak membantah ritual ini — kang tak pasal-pasal aku disingkir dari keturunan Kasturi — dalam berkira-kira

nak mengiyakan atau bagi alasan — rupanya dia orang berempat semua sudah sebulat suara bersetuju. Paling mengujakan, Si Sharin dah siap-siap bawa bunga *kemboja* dari kubur.

Emi : Patutlah datang lambat Si Hawau ini.

Benakku terus menggetus, melihat Si Sharin mengeluarkan bunga *kemboja* daripada begnya.

Bukan sahaja bunga *kemboja*, Si Sharin ini siap bawa tongkat *buluh tumpat* — katanya...

Rin : Buluh ini boleh buat pelindung diri.

😔 Alahai... di antara percaya dan tak percaya jer — ikutkan benakku, nak ajer cepat-cepat aku ambil terus ketuk dahi Si Sharin ini menggunakan buluh yang dibawanya — melihat *buluh tumpat* ini kononnya boleh dijadikan pelindung diri — hingga dunia ini kiamat aku tak percaya kepada dakyah *buluh tumpat*.

Sebelum mulakan ritual sekitar jam 10:00 malam — Sharin menerangkan beberapa syarat dan petanda hantu datang menghampiri kepada kita berlima ini. Tanda-tanda hantu itu datang untuk sepanjang tempoh ritual...

1) Tiada sebarang bunyi bising — betul-betul senyap sunyi.

2) Tiada cahaya.

Syarat sepanjang tempoh melakukan ritual memanggil hantu itu datang...

1) Awal-awal tidak boleh memakai sebarang pelindung diri.

Tanda-tanda hantu itu nak/sedang datang bertandang atau menghampiri...

1) Bunyi burung *tiung*.

2) Bunyi cicak berdecit-decit — bersambung-sambung — bermula decitan daripada seekor, disambung cicak yang lain, kemudian disambung lagi decitan oleh cicik yang lain.


3) Akan ada bunyi ketukan/cakaran di kawasan sekitar tempat ritual. Kalau tempat ritual itu di kawasan terbuka seperti di tengah-tengah padang pasir di Mesir — tiadalah bunyi ketukan/cakaran — serta-merta hantu itu terus datang sergah: 😠 *Arghhhhh! Aku lapar! Aku nak makan daging keldai!*

Maka bermulalah ritual memanggil hantu diketuai oleh Sharin di bahagian ruang tamu. Sharin membentangkan tiga lapisan surat khabar **Berita Harian** — seterusnya meletakkan *pisang emas* berbalut kafan dan ditabur tanah kubur hingga menimbusi keseluruhan pisang tersebut.

Selepas 8 + 8 = 16 kali Si Sharin membaca jampi *kongkalikung meloncat atas tong* — tunggu punya tunggu punya tunggu — dari pukul 10:00 menginjak ke pukul 11:00 — tiada apa-apa yang berlaku — kemudian menginjak ke pukul 12:00 😳 *Jeng! Jeng! Jeng!* — pundi kencing aku dah penuh — aku meminta izin nak pergi pancut — Sharin tak bagi aku menyalakan sebarang lampu sepanjang menuju ke tandas untuk memancut, bahkan ketika melakukan ritual dalam gelap inipun cakap macam pengantin baru nak bersanggama kali pertama — dapur di belakang punyalah gelap...

Emi : Gila agaknya Si Sharin nak aku meraba-raba sampai ke belakang — buatnya aku terpegang rambut 😖 aduh mampus aku.

Benakku terus menggetus kerana Sharin berkeras tak mahu sebarang nyalaan lampu. Disebabkan sudah melakukan ritual dari awal — aku pun tak nak jadi punca ritual ini gagal — aku ajak Si Am ini teman — dia pun ikut. Diam-diam aku suruh Si Am ini nyalakan lampu suluh kecil.



Jalan ke dapur melintasi dua bilik di rumah Am ini 😓 Ishhh... bunyi papan lantai dipijak oleh aku dan Am

berkeriut-keriut menambah lagi denyutan kantungku menggelegak hampir meledak pundi kencingku ketika berkeriut-keriut berjalan.

Sampai dapur, meluru terus aku masuk ke bilik air — aku sorang jer memancut — aku ajak Am beregu — dia tak mahu — apa nak ditakutkannya entah? Bukannya aku nak suluh konek dia!

Masa aku kencing — aku pejam mata — kot-kot takut 😳 ternampak makhluk menyeramkan beregu memancut di sebelahku.

Selesai memancut, aku dan Am balik semula di ruang tamu — Sharin memberi isyarat — rupanya semasa aku dan Am berjalan ke bilik air — ada bayang-bayang di tingkap *nakoh* turut mengekori aku dan Am ke dapur.

Selepas aku memancut, semua terus menunggu dan menunggu. Seketika terdengar sayup-sayup bunyi burung *tiung* seperti Sharin katakan tadi ketika memberi taklimat dan sesekali cicak berbunyi, tapi tak ada tanda-tanda kewujudan fizikal Si Hantu.

Aku rasa di sekitar jam 1:00 pagi, ketika itu aku dengar dengkuran Si Am, Ateng, dan Zam — aku pula tak boleh tidur — terkebil-kebil. Tiba-tiba bunyi burung *tiung* tadi kembali bergema lebih kuat diikuti deretan bunyi cicak — kemudian dinding papan di ruang tamu kedengaran seperti dijentik-jentik hampir sekeliling rumah — beberapa minit kemudian diikuti goncangan

yang sangat kuat di daun *pintu empat* di ruang tamu tempat ritual dilakukan 😱 ketika ini aku yang sedang baring — pejamkan mata seketat-ketatnya sambil membayangkan daun pintu itu dihantuk-hantuk menggunakan kepala oleh makhluk berbungkus — *Hantu Pocong!*



Selama beberapa minit gocangan itu diselang-seli dengan dengkuran rakanku bertiga — Sharin!? Aku tak tahu — aku membuka sedikit kelopak mataku secara kecik usyar Si Sharin — tangannya atas perut — entah dah jadi jenazah ker mamat ini — entah dah tidur mati ker mamat ini — aku pun tak tahu.

Otakku cepat-cepat membuat keputusan, kalau pintu pecah — aku capai *buluh tumpat* Si Sharin ini — bukan kerana aku percaya buluh ini boleh melindungi diriku — aku akan gunakannya sebagai senjata jika terpaksa berkuntau 👊 *Wacha! Wacha!* — melibas-libas buluh ini ke dahi hantu itu.

Pada masa pintu masih bergoncang aku baca juga ayat-ayat suci untuk pelindung diri — iyelarr buatnya aku seorang jer terpaksa melayan *Si Pocong* ini bertandang — tak bolehlah percaya kepada *buluh tumpat* melebihi kemuliaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Setelah habis aku baca ayat-ayat pelindung diri, tiba-tiba keadaan jadi sunyi sesunyinya — bunyi burung *tiung*, cicak, cengkerik tak ada, hanya ada bunyi dengkuran kawanku yang bertiga ini — mata aku jadi sangat berat dan tertidur.

Pagi esoknya aku tanya kepada Sharin berkenaan gangguan serta kedatangan *Si Pocong* kot pada malam semalam — Sharin kata...

Rin : Aku sedar sama macam kau — tapi aku buat-buat tidur dan terus-menerus tanpa henti baca doa pelindung.

😒 Apa *kepepek* larr Si Sharin ni — aku ingatkan dia ni berani sangat — rupa-rupanya dia buat-buat tidur — hawau betul larr!

Kalau aku tahu malam semalam Si Sharin ini buat-buat tidur — tidak syak lagi *buluh tumpat* pasti makan tuan.

Rakan aku yang tertidur terujalah mendengar cerita aku dan beriya-iya nak merasai situasi mendebarkan ini 😳 jimbit punya budak — sedap-sedap kau tidur, lepas itu nak ajak aku merasai situasi ini sekali lagi 😒 hampeh punya kawan.

Esok malamnya aku tak keluar rumah sebab ada urusan keluarga — dia orang berempat buat sekali lagi ritual memanggil hantu — kali ini menggunakan 🍳 telur mentah sebagai jamuan hantu — cara ini memang susah

kerana bomoh yang betul-betul bomoh sahaja boleh merealisasikan ritual ini.

Emi : Kenapa mesti bomoh — manusia bukan bomoh tak boleh ker?

Bukan tak boleh — manusia bukan bomoh boleh juga lakukan ritual ini, bak kata bidalan Melayu — untung batu tidak mustahil batu boleh timbul, rugi buih tidak mustahil buih boleh tenggelam.

Untung ritual menjadi — tidak mustahil *jembalang* yang melata di *Felda Jengka*, *Pahang* — datang bertandang hanya kerana bomoh menghidangkan 💩 tahi sebagai ancak. Rugi ritual tak menjadi — dah upah Jamie Oliver hidangkan ancak lima bintang — 88 ekor 🐷 babi panggang — belum tentu ancak lima bintang ini menjanjikan kedatangan seekor *jembalang*.



Disebabkan tiga orang kawanku ini masih tak puas hati kerana semalam tak merasa debaran kedatangan hantu — mereka ini bertekad lagi nekad melakukan ritual menggunakan 🍳 telur mentah.

Ada larr cerita-cerita dari dia orang selepas cuba melakukan ritual menggunakan telur mentah — terbukti ritual mereka gagal kerana tak merasai seperti yang pernah aku rasai ketika ritual menggunakan *pisang emas*

berbalut kafan ditimbus dengan tanah kubur serta bacaan jampi-jampah *kongkalikung meloncat atas tong*.

Aku jangka, ketika mereka cuba melakukan ritual telur mentah — dia orang memang tak tidur — cekal bersengkang mata, tapi Sharin secara diam-diam — awal-awal dah buat pelindung siap-siap — itu sebab kesan debaran tak mencapai tahap maksimum. Al-maklumlah, kononnya kita orang ini berdarah *pahlawan Melaka* — takkanlah bangang sangat Si Sharin ini nak bersilat depan hantu, sedangkan ayat Qursi lebih mujarab.

